

# Qalam

---

Bilangan 30 Rabiulakhir – Januari 1953 60 Sen

---

## “PENDERITAAN” DI MAJIDI CAMP

Terbit dari lawatan A. Zulkifli Hasyim, setiausaha UMNO dan beberapa orang bahagian kaum ibu UMNO ke Majidi Camp iaitu sebuah tempat tahanan atau dengan terangnya tempat perasingan orang-orang yang dipandang oleh kerajaan sebagai orang-orang yang melanggar undang-undang darurat. Daripada lawatan mereka itu ke khemah perasingan Majidi Camp itu. Sebagaimana yang tersiar di dalam akhbar, dan keterangan A. Zulkifli sendiri kepada kita adalah membawa cerita sedih yang sesedih-sedihnya terhadap kepada lebih kurang 30 orang ibu-ibu Melayu dan lebih kurang 20 orang anak-anaknya yang dikatakan telah diasingkan di sana dari kampung halamannya Jenderam, iaitu sebuah kampung yang telah dihapuskan itu.

Kita percaya bahawa sebab-sebab mereka itu ditahan (lelaki dan perempuan serta kanak-kanak) tidak lain sebabnya harus oleh kerana terpalit getah nangka yang dipotong dan dimakan oleh orang lain dan dengan kerana itu harus mereka tidak mengetahui sesuatu pun mengapa sebab-sebab maka mereka itu ditahan atau diasingkan ke Majidi Camp itu dan setibanya di sana setelah beberapa lama meninggalkan harta benda dan kampung halamannya dengan sebungkus dan sehelai sepinggang diletakkan ke sana dengan tidak merasa dan tidak tahu bahawa adakah mereka itu telah sebenar-benarnya melakukan suatu kesalahan sehingga daripada apa yang tersedia dan dinyatakan kepada kita bahawa baju mereka itu telah compang camping, bertampal di sana dan

bertampal di sini dan anak-anak mereka yang belum mengetahui sesuatu apa pun yang telah mengikut mereka dikatakan telah menangis dan meraung hendak mengikut kepada mereka yang melawat itu yang sebab-sebabnya harus tidak lain ialah, daripada kejadian-kejadian itu seolah-oleh tempat itu sebagai neraka bagi mereka—sudahlah terasing dari kampung halaman, tidak dapat nafkah dan perbelanjaan yang cukup, tidak dapat berusaha sendiri sebagai di kampung halamannya—mereka seolah-olah di dalam sangkar dengan makanan tak cukup, pakaiannya seada-adanya yang jika tidak diperhati harus mereka itu tidak berkain walau sehelai pun.

Semuanya ini terjadi tidak lain ialah kerana undang-undang darurat yang berjalan di negeri ini tetapi kita tidak menyangka sekali-kali bahawa langkah-langkah darurat itu akan dijadikan suatu tempat bagi “mengazab” seseorang yang dikenakan atasnya, sama ada ia tetap bersalah apalagi tidak. Oleh kerana kita memandang tujuan dan langkah-langkah mengasingkan mereka itu sebagai orang di Jenderam, bukannya untuk menyiksa atau mendatangkan balasan terhadap kepada mereka tetapi adalah untuk menjauhkan mereka daripada tempat-tempat kedudukan mereka yang seolah-olahnya berada menghadapi makanan bawa simala kamu dimakan mati bapa, tak dimakan mati emak.”

Kita menyertai seruan-seruan yang dihadapkan oleh kerajaan kepada orang-orang di kampung-kampung itu supaya jangan menolong dan membantu pengganas-pengganas dan dari satu ke suatu masa bersedia memberi kenyataan-kenyataan kepada kerajaan tetapi mereka juga terhadap kepada ugutan-ugutan dan ancaman-ancaman yang tepat daripada pengganas-pengganas itu yang akan melakukan kebangsaan dan perbuatan-perbuatan yang dasyat ke atas mereka. Sedang kawalan-kawalan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka tidak terpandang adanya oleh mereka dan dengan sebab itulah harus oleh kerana beberapa orang yang lain yang bercampur sedang ibu-ibu dan kanak-kanak itu kita percaya tidak cukup mengetahui apa ertinya tahanan-tahanan itu dan apa ertinya kehendak-kehendak kerajaan

ke atas mereka itu dengan secukup-cukupnya dan dengan kerana yang demikian itu terjadilah penderitaan yang ditanggung mereka sebegitu sekali keadaannya di dalam zaman tamadun. Di dalam zaman yang yang dibangga-banggakan oleh orang kulit putih zaman kemanusiaan tetapi yang sedemikian itu menurut pandangan kita jika benar berita itu seolah-olahnya kedudukan mereka itu di dalam kem perasingan tadi di tempat tahanan Nazi itupun di kem-kem komunis yang dicela dan dicera oleh mereka itu.

Perbuatan-perbuatan dan kecuaihan-kecuaihan yang dilakukan untuk mengawal kesejahteraan dan keamanan orang-orang yang diasingkan itu terutamanya perempuan-perempuan dan kanak-kanak itu jika benar adalah suatu perbuatan yang sangat tercela dan dikeji oleh sesiapa pun yang berperasaan kemanusiaan sekalipun didalam masa darurat ini tidak ditujukan ke atas perkara seperti itu. Untuk meangazab atau meletakkan penderitaan kepada ruhani dan jasmani mereka. Jika demikian itu dijalankan sebagai suatu dasar oleh pegawai-pegawai Duli Yang Maha Mulia baginda Queen maka kita percaya perbuatan-perbuatan pegawai-pegawai itu akan mengerjakan nama Duli Yang Maha Mulia itu yang telah cemerlang beberapa lamanya mengiktiraf sifat timbangan rasa dan kemanusiaan dan mencela perbuatan-perbuatan seperti Nazi dan Komunis menjadikan tempat-tempat tahanan mereka menyiksa ruhani dan jasmani orang yang dibenci oleh mereka itu.

Bukan pada tempatnya didalam langkah-langkah yang dilakukan untuk mengasingkan mereka itu diletakkan pula penderitaan yang sebegitu hebat dan terletak pula tanggungan-tanggungan yang sebegitu berat kepada kanak-kanak yang tidak bersalah itu dengan sedemikian rupa oleh kerana menurut pandangan kita. Langkah-langkah yang demikian itu bukannya akan menanam mahabah dan penghargaan mereka itu dan rakyat jelata umumnya oleh kerana dengan adanya kejadian-kejadian itu dan diketahui oleh orang umum maka jika tidak pun orang-orang umum itu akan mencela dan mencera langkah-langkah yang dijalankan oleh pegawai-pegawai. Yang kita percaya akan menodai nama Duli yang Maha Mulia baginda Queen.

Tetapi juga akan membawa kesan menimbulkan suatu perasaan di dalam hati orang ramai itu. Terutamanya orang-orang Melayu di kampung-kampung bahawa cara penjajahan yang ketat diletakkan ke atas orang Melayu dengan suatu perahan yang sangat pedih dan dengan kerana perbuatan itu harus timbul suatu ingatan di dalam hati orang-orang itu bahawa sememangnya langkah-langkah itu sedia dijalankan sebagaimana juga Nazi dan Komunis menjalankannya pada hal kita percaya bahawa tujuan pertahanan baginda Queen sebaliknya.

Dengan kerana yang demikian itu kita berharap bahawa yang salah diperbaiki. Terlanjur jalan balik ke penggal dan keadaan orang-orang itu wajib diperiksa dari satu ke suatu masa tentang kesejahteraannya, makan dan pakainya dengan sempurna dengan tiap-tiap masa tempat itu terbuka kepada tiap-tiap ketua kaum bagi memeriksa keadaannya bukannya ketua-ketua kaum itu terlebih dahulu diberitahu supaya pegawai-pegawai di sana bersiap menunjukkan kulit supaya terlindung isi.

Kita tidak meminta tempat itu dijadikan sebagai "syurga" untuk mereka tetapi kita berharap bahawa mereka itu diselenggarakan dengan sepatutnya tentang perkara-perkara yang mengenai jasmani dan makanannya dan juga ruhani mereka itu hendaklah dididik dengan sempurna dan jika mereka itu orang-orang Melayu maka hendaklah kepada mereka itu diadakan guru-guru agama. Supaya akhlak mereka itu jika mereka itu tidak berakhlak, akan mendapat bentuk yang sempurna dan tidaklah mereka itu di sana sebagai seorang yang terletak di dalam tempat yang seakan-akan penjara (tempatnya sahaja yang berlainan) sedang tujuan-tujuan penjara itupun dihajati atau diagung-agungkan sebagai tempat didikan akhlak –apa lagi di dalam kem itu.

## Pertubuhan-pertubuhan Islam Baharu

Terbit daripada ura-ura akan tertubuh lagi sebuah pertubuhan Islam di Johor maka nampaknya adalah orang memandang bahawa tidak guna ada banyak pertubuhan-pertubuhan Islam tertubuh

lagi di Semenanjung Tanah Melayu ini, dengan membuat pula bahawa pertubuhan Islam Selangor yang telah ditubuhkan oleh A. Fatah Akhir setelah tertubuhnya pun senyap pula. Sememangnya bagi orang-orang yang tidak mengetahui dan tidak menyelidiki tentang mustahaknya adanya pertubuhan-pertubuhan itu dan tentang langkah-langkah yang dijalankan oleh pertubuhan Selangor sekarang. Kerana tidak berbunyi di dalam akhbar-akhbar yakni hanya memandang pada gambar gemburnya sahaja tetapi tidak melihat pada isinya.

Dari dahulu lagi kita telah berapa kali menulis di dalam perkara ini, terutamanya setelah kita mendapati bahawa Persatuan Islam Se-Malaya itu tidak diharap akan memperoleh kejayaan dan akan dapat mengambil perhatian umum orang-orang Islam kerana dasar-dasarnya yang termaklum itu maka kita berpendapatan bahawa telah mustahak berdiri di dalam tiap-tiap negeri semua pertubuhan-pertubuhan bagi negeri masing-masing dahulu yang kemudian baharulah nanti diikhtiarkan untuk mencantumkan pertubuhan-pertubuhan itu menjadi satu bagi seluruh Malaya oleh sebab asas pertubuhan itu bukannya di bandar-bandar tetapi akan meliputi di kampung-kampung. Diri faham yang cukup bagi masing-masing mereka supaya kekal hidupnya dan berguna untuk masyarakat bersama.

Pertubuhan-pertubuhan Islam itu sepatutnya berdiri di dalam tiap-tiap buah negeri dengan seberapa segera oleh kerana kita melihat pasukan hadapan yang dijalankan atau dipukul oleh pertubuhan kebangsaan yang diagung-agungkan itu telah menghadapi keadaan yang rumit dan tidak dapat menentukan ke mana hala tujuannya bagi masa yang akan datang dan sebab itulah dengan keadaan orang Melayu beragama Islam pertubuhan keagamaan wajib ditubuhkan sebagai barisan yang kedua untuk cadangan persiapan tatkala pasukan yang pertama runtuh dan dengan sebab maka pihak-pihak kebangsaan tidaklah sayogiayanya mencuba menghalang-halang tertubuhnya pertubuhan-pertubuhan Islam di dalam tiap-tiap buah negeri kerana faedahnya akan meliputi juga orang-orang Islam umumnya di negeri ini.

Berkeanaan dengan diamnya pertubuhan Islam di Selangor itu tidaklah patut dihiraukan oleh sebab kita berkeyakinan dan mengetahui bahawa diam-diam pertubuhan itu diam-diam ubi dengan tidak mahu gembar gembur sebagai tin kosong dengan tidak ada isi langsung. Kita bersetuju dengan cara itu kerana mengutamakan asas lebih perlu daripada banyak bercakap.

Dengan cita-cita yang kedua di Johor itu pertubuhan Islam Selangor telah mempunyai teman baharu yang diharap akan segera tertubuh dan kita mengetahui bahawa bukannya di Johor sahaja tetapi ada ura-ura lagi suatu pertubuhan Islam akan terdiri lagi di Pahang.

Mudah mudahan Allah akan memberi taufik dan hidayah bagi negeri-negeri lain menubuhkan lagi pertubuhan-pertubuhan mereka yang mempunyai asas satu tujuan iaitu Al-Quran dan Al-Hadith adanya.

---

Sedang dijilid-Hampir siap!

## **SAIDINA HUSSAIN DI PADANG KARBALA**

(Dua Penggal Tamat)

Sebuah buku tawarikh yang terkemuka di dalam mana meriwayatkan keteguhan azam Saidina Hussain untuk mendirikan hak-hak Islam sehingga terkorban di Padang Karbala.

Riwayatnya indah dan mustahak diketahui oleh kita untuk cermin pada masa yang akan datang.

Senaskah \$1.20 pos 10 sen

Pesan Dari Sekarang Kepada:

### **QALAM**

-356& 358, Geylang Road,

Singapore 14.

---